



**NOTIS SEBUT HARGA  
PERBADANAN PUTRAJAYA**

(No. Sebut Harga : PPj/JB/SH(S)/0026/2025)

**Tajuk Sebut Harga :**

**KERJA-KERJA PEMASANGAN LAMPU HIASAN SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN SEMPENA  
BORNEO ART FESTIVAL DI KOMPLEKS SUKAN LAUT ANTARABANGSA, WILAYAH PERSEKUTUAN  
LABUAN**

1. Sebut harga adalah dipelawa kepada **Syarikat Tempatan** yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** beralamat di **Wilayah Persekutuan Putrajaya, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor sahaja, dan berdaftar di dalam Gred G3 dan ke atas, Kategori MEKANIKAL & ELEKTRIKAL (ME), Pengkhususan E04 (Pemasangan voltan rendah) & E11 (Kerja am elektrik)** serta masih dibenarkan menyertai sebut harga pada masa ini. Surat kebenaran khas dari CIDB adalah **TIDAK** dibenarkan.
2. Kehadiran Kontraktor / Syarikat bagi taklimat dan lawatan tapak adalah **TIDAK BERKAITAN**. Kontraktor / Syarikat yang berminat boleh mendapatkan maklumat berkaitan sebut harga berkenaan pada pautan Portal Perbadanan Putrajaya.
3. Dokumen Sebut Harga boleh dibeli bermula **24 SEPTEMBER 2025 (RABU)** hingga **26 SEPTEMBER 2025 (JUMAAT)** dengan bayaran **RM50.00** secara atas talian (online) melalui laman web <https://perolehan.ppj.gov.my/dcoins/landingpage>.
4. Dokumen Sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan kepada **Kaunter Perolehan Perbadanan Putrajaya, Aras 3, Bangunan Annex, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya** sebelum jam **12.00 TENGAH HARI** pada **1 OKTOBER 2025 (RABU)**.
5. Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut berhubung notis sebut harga ini, sila hubungi Seksyen Pengurusan Perolehan, Perbadanan Putrajaya di talian 03-8887 7708 atau e-mel ke alamat [spp@ppj.gov.my](mailto:spp@ppj.gov.my)
6. Kenyataan notis ini turut boleh didapati dalam portal rasmi Perbadanan Putrajaya di alamat <https://www.ppj.gov.my>, portal MyPROCUREMENT <https://myprocurement.treasury.gov.my> dan portal JPM <https://www.jpm.gov.my/ms/tender-sebutharga>.

**PERHATIAN:**

Kontraktor/Syarikat yang berminat untuk menyertai sebut harga ini dikehendaki berdaftar di dalam sistem COINS (Sistem Maklumat Pengurusan Kontrak) di laman web <https://perolehan.ppj.gov.my/dcoins/landingpage>. Hanya kontraktor yang **BERDAFTAR** di dalam **sistem COINS** sahaja dibolehkan untuk **membeli dokumen sebut harga**. Sila log masuk menggunakan log ID Pengguna dan kata laluan yang telah diberikan serta kemas kini dokumen berkaitan. (Kontraktor/Syarikat hanya dibenarkan mendaftar sekali sahaja).

Sebarang urusan/pertanyaan mengenai sistem COINS, sila kemukakan e-mel ke alamat [bantuan.coins@ppj.gov.my](mailto:bantuan.coins@ppj.gov.my).

Notis ini adalah cetakan komputer, tandatangan tidak diperlukan.